

# Sambutan majlis-majlis ibadah korban

## Takmir Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar



**YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selaku Penaung Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB) Kampung Sungai Akar mengagihkan daging korban kepada penerima secara pandu lalu, di masjid berkenaan (atas dan bawah).**



**SUNGAI AKAR**, Ahad, 2 Ogos. - Ibadah Korban yang dilaksanakan oleh umat Islam bersempena dengan Sambutan Hari Raya Aidiladha adalah semata-mata bagi meraih ganjaran pahala melalui ibadah tersebut.

Ganjaran pahala yang diperoleh itu semestinya melalui pengagihan daging-daging korban tersebut, terutama bagi mereka yang berhak menerimanya.

Sehubungan itu, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB) Kampung Sungai Akar hari ini mengadakan

Majlis Korban sempena Hari Raya Aidiladha 1441H / 2020M, yang diadakan di masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong selaku Penaung Ahli Jawatankuasa Takmir MRSB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan laungan takbir Hari Raya Aidiladha beramai-ramai yang dipimpin oleh Pegawai Masjid dan selaku Ketua Imam masjid berkenaan, Awang Haji Syamsul

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Ampuan Haji Mahmud  
Ampuan Haji Tengah

Nizam bin Haji Badar.

Pada majlis itu, Yang Berhormat mengagihkan daging-daging korban kepada 200 fakir dan miskin, tiga anak yatim serta penduduk kampung berkenaan dan kawasan sekitarnya.

Juga hadir ialah Pemangku Ketua Kampung Sungai Akar, Awang Haji Ibrahim bin Haji Jamaluddin, Penasihat Takmir MRSB, Dato Paduka Haji Rashid bin Haji Abd. Rahman dan Setiausaha Takmir MRSB, Pengiran Dato Paduka Awang Haji Azman Shyam bin Pengiran Haji Mohammad.

Pengagihan daging korban tersebut dilakukan melalui kaedah jalan lalu (*walk-thru*) di perkarangan masjid berkenaan dan juga secara pandu lalu (*drive-thru*) bagi melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing dan membudayakan langkah-langkah pencegahan dengan mengamalkan penjarakan sosial.

kerja-kerja penyembelihan dilakukan bermula seawal jam 3.00 pagi dengan melantik sebuah syarikat untuk melakukan penyembelihan yang bertempat di Kampung Mulaut, di mana sebanyak 10 ekor kerbau dan sapi dijadikan binatang korban dengan seramai 66 orang menyertai ibadah korban kali ini.

Majlis korban pada tahun ini juga disertai oleh 20 sukarelawan dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang juga merupakan aktiviti tahunan MRSB bagi tujuan memperingati peristiwa pengorbanan Nabi Ismail 'Alaihissalam oleh bapa Baginda, Nabi Ibrahim 'Alaihissalam, di samping melakukan sedekah kepada golongan yang kurang berkemampuan di kampung berkenaan dan kawasan sekitarnya, serta mengeratkan lagi hubungan silaturahim.

## Majlis Perundingan Kampung Kawasan 2, RPN Lambak Kanan

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**LAMBAK KANAN**, Ahad, 2 Ogos. - Dalam kita mengamalkan kehidupan sehari-hari dalam suasana norma baharu dan seterusnya mempraktikkan penjarakan sosial, namun suasana dalam menyambut Aidiladha diraikan dengan sambutan majlis-majlis ibadah korban di negara ini semata-mata untuk meraih keberkatan dan ganjaran pahala daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis seumpamanya ini juga turut diadakan di kediaman Pemangku Ketua Kampung Kawasan 2, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan, iaitu Awang Haji Omar bin Haji Safar.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan pengagihan daging-daging ibadah korban sunat tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, selaku Penghulu Mukim Berakas 'B'.

Majlis ibadah korban tersebut dimeriahkan lagi dengan laungan takbir Hari Raya, yang dipimpin oleh Begawan Mudim Awang Haji Ahmad Kasrah bin Haji Ibrahim.

Sebanyak dua ekor sapi dikorbankan dan 14 orang peserta menyertai ibadah sunat ini. Daging-daging tersebut turut diagihkan kepada 50 fakir dan miskin, dan 75 anak yatim di kampung berkenaan yang dilaksanakan secara pandu lalu.

Semasa berucap, Ahli Majlis Mesyuarat Negara berharap agar majlis yang berkebajikan ini dapat dilanjutkan pada masa-masa akan datang sebagai aktiviti tahunan bagi meraih pahala dari Allah Subhanahu Wata'ala juga.

Antara yang hadir ialah Ketua-ketua Kampung di bawah Mukim Berakas 'B' serta penduduk kampung berkenaan dan sekitarnya.

Majlis tersebut dianjurkan Majlis Perundingan Kampung Kawasan 2, RPN Lambak Kanan, Mukim Berakas 'B'.



**AHLI Majlis Mesyuarat Negara selaku Penghulu Mukim Berakas 'B' (tiga, kanan) mengagihkan daging korban kepada penerima secara pandu lalu, di kediaman Pemangku Ketua Kampung Kawasan 2, Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan.**

# COVID-19 : Tiada kes baharu

**Siaran Akhbar dan Infografik :**  
Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Ogos. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai Status Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), setakat jam 12.00 tengah hari, alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala juga, tiada kes baharu jangkitan COVID-19 dilaporkan dan menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di NBD kekal 141 orang.

Melalui Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan, dimaklumkan bahawa seramai 497 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori. Seramai 3,797 orang telah

menamatkan pengasingan diri mandatori sejak bulan Mac 2020 lalu.

Seterusnya, Kementerian Kesihatan turut mencatatkan sebanyak 180 sampel Ujian Virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dalam tempoh 24 jam lalu, di mana jumlah ujian makmal secara keseluruhan yang dijalankan sejak Januari 2020 adalah sebanyak 40,843 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi [healthinfo.gov.bn](https://healthinfo.gov.bn).

## Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
	141		
	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	0	3	138

## Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
497	3,797

## Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
180 sampel	40,843